

# **PEMBINAAN HUBUNGAN DI ANTARA GURU DENGAN PELAJAR**

Ahmad Firdaus Mohd Noor <sup>2</sup>  
Kamarul Azmi Jasmi <sup>1</sup>  
Khairunnisa A Shukor <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar

## **Suggested Citation:**

Mohd Burhan N., Tamuri A H, & Mohd Nordin N. (2016). Pembinaan Hubungan di antara Guru dengan Pelajar in *Technical and Social Science Journal (TSSJ)*, 5(1) p. 138-148. ISSN: 2289-7356.

## **ABSTRACT**

This article explains the relationship between teachers and students. The elements of a healthy relationship based on intimacy, safely and trustworthy are emphasised in this discussion. This topic has put emphasis on the theory of effective quality relationship as its theoretical perspective, models of social supports, and the theory of self-determination. To conclude, a few guidelines suggested by scholars in education have been inserted together with the discussion to analyse the practical aspects and the development of teacher-students relationship that can be useful to all educators.

## **REFERENCES**

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abdull Sukor Shaari (2010). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdurrahman An Nahlawi (1995). Ushulut Tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fl baiti wal madrasati wal mujtama. (Trj. oleh Shihabuddin dengan tajuk: Pendidikan Islam Di Rumah Sekolah Dan Masyarakat). Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor (2010). Pengaruh Agen Sosial Terhadap Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Politeknik di Perak Tesis Sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor & Khairunnisa A Shukor (2011). Pengaruh Agen Sosial Terhadap Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Politeknik di Perak. *Prosiding NSR12011*. 20-21 September 2011. Politeknik Ungku Omar, Politeknik Premier, Ipoh, Perak. 1-14.
- Al-Ghazali, Muhammad (1987). *Akhlaq seorang muslim*. Terj: Drs. H. Moh. Rifai . Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Md. Yusnan Yusof, Nik Ahmad Hisham Ismail, Mohd Noor Hussin & Mujaini Tarimin (2011). Tahap Profesionalisme Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama - Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian Tentang Sikap Guru. *Proceeding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 149-164.
- Esah Sulaiman (2012). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hadaway, C. K., & Marler, P. L. (1993). All in the Family: Religious Mobility in America. *Review of Religious Research*, 35(2), 97-116.
- Hood, Ralph W.; Peter C. Hill & Bernard Spilka (2009). *The psychology of religion: An empirical approach* (4th ed.). New York: Guilford
- Ismail Abas (2007). Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam, Selangor*, Jilid 10, 2007.
- Jonathan, K. & Nan Dirk De Graaf (1997). National Context Parental Socialization and Religious Belief: Result From 15 Nations. *American Sociological Review*. Vol 62, August 639-659.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## PEMBINAAN HUBUNGAN DI ANTARA GURU DENGAN PELAJAR

**Ahmad Firdaus Mohd Noor**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar

**Kamarul Azmi Jasmi**

Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia

**Khairunnisa A Shukor**

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar

### ABSTRAK

Artikel ini menerangkan tentang hubungan di antara guru dan murid. Elemen hubungan yang baik dari segi emosi yang intim, selamat, dan boleh dipercayai ditekankan dalam perbincangan ini. Beberapa perspektif teoritikal dibincangkan dalam membahaskan tajuk hubungan di antara guru dan pelajar. Perspektif teoritikal yang dibincangkan adalah Teori hubungan kualiti afektif, Model-model sokongan sosial, dan Teori determinasi sendiri. Kesimpulannya, beberapa panduan telah diberikan daripada sarjana-sarjana pendidikan dalam membincangkan tentang aspek pengamalan dan pembinaan hubungan guru dengan pelajar yang boleh dimanfaatkan oleh para pendidik di luar sana.

**Kata kunci:** Pembinaan hubungan, guru dengan murid.

### ABSTRACT

*This article explains the relationship between teachers and students. The elements of a healthy relationship based on intimacy, safely and trustworthy are emphasised in this discussion. This topic has put emphasis on the theory of effective quality relationship as its theoretical perspective, models of social supports, and the theory of self-determination. To conclude, a few guidelines suggested by scholars in education have been inserted together with the discussion to analyse the practical aspects and the development of teacher-students relationship that can be useful to all educators.*

*Keywords: Relationship Building, teacher and students*

### PENGENALAN

Menurut Wentzel, K. R. (2009), guru yang berkesan adalah guru yang dapat membina hubungan yang baik dengan pelajarnya dari segi emosi yang intim, selamat, dan boleh dipercayai. Sebelum itu, Ismail Abbas (2007) telah menjelaskan dalam membina hubungan guru dan pelajar, sewajarnya melihat pelajar secara positif dan melayaninya secara berperikemanusiaan. Hal ini dibahaskan Wentzel, K. R. (2009), bahawa hubungan yang berkualiti, mampu menyokong perkembangan emosi pelajar dengan baik, membina sikap positif, dan motivasi dalam mencapai hasil akademik. Selain itu, kemahiran- kemahiran sosial yang sebenar juga dapat diperolehi.

Pendapat di atas telah dibincangkan terlebih dahulu oleh an-Nahlawi (1995), bahawa hubungan guru dengan pelajar adalah sesuatu yang penting serta dapat

ditunjukkan dan diamalkan oleh para pendidik. Hal ini dapat dilakukan dengan memperlihatkan sikap sabar, jujur, sentiasa meningkatkan wawasan, pengetahuan dan kajian, mempunyai kecerdikan dan ketrampilan, bersikap tegas pada tempatnya, adil terhadap seluruh pelajar, dan peka terhadap fenomena kehidupan terutamanya yang melibatkan akidah. Selain itu, kajian-kajian kontemporari yang dijalankan telah membuktikan guru adalah faktor yang signifikan dalam memberi kesan kepada prestasi akademik dan pembentukan sahsiah pelajar (Rohani Arbaa *etal*, 2010].

Dalam membina hubungan ini, guru juga perlu memberi pertolongan instrumental, menerapkan nilai-nilai komuniti yang umum dan prihatin di dalam kelas (Wentzel, K. R., 2009]. Bagi perspektif Pendidikan Islam, penerapan kepada nilai-nilai Islam ke dalam diri pelajar akan membolehkan pelajar berupaya melihat, mendengar, berfikir, dan menghayati sepenuhnya ilmu yang diajar (Suhaili Md. Shamsudin & Siti Syuhada Abd Rahman, 2011]. Situasi ini akan berlaku, apabila guru mengambil berat perkembangan akademik setiap pelajar dengan cara berbincang bersama pelajar bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka (Rohani Arbaa *etal*, 2010].

Berdasarkan pendapat Ismail Abbas (2007], sekolah atau mana-mana institusi pendidikan diibaratkan sebagai rumah tangga dan keluarga yang besar. Asas pembinaan sebuah rumahtangga yang bahagia dibina berdasarkan nilai kasih sayang. Kasih sayang adalah sifat semulajadi dalam diri manusia yang menjadi tali penghubung yang kuat antara sesama manusia. Justeru itu, pendapat al-Ghazali (1987] telah menegaskan bahawa setiap pendidik seharusnya memiliki sikap keibu bapaan dan bertindak selaku seorang ayah dan ibu dalam berhubungan dengan pelajar. Hal ini dapat dilakukan dengan menganggap setiap pelajar yang dididik seperti anak mereka sendiri. Oleh itu, sifat dan nilai kasih sayang (Arifin Mamat *etal*, 2011] perlulah disemai dalam diri setiap pendidik supaya para pendidik dapat menghormati harga diri manusia termasuk para pelajar. Mereka ini perlu dilayan seperti barang yang bernilai, yang mengangkat maruah, kebanggaan dan kehormatan mereka (Ismail Abbas, 2007].


Nyatalah guru yang paling berkesan adalah guru yang paling mudah didekati oleh semua pelajar (Mohd Sahandri Gani *et al*, 2010]. Hal ini dapat dilakukan dengan sentuhan peribadi (*Personal Touch*). Contohnya, guru-guru berhubung dengan murid secara profesional di mana berkongsi pengalaman semasa dalam PdP serta memahami setiap muridnya secara personal untuk memahami masalah murid-murid. Selain itu, guru melawat ke alam murid-murid seperti makan bersama di kantin sekolah, bersukan bersama di padang serta menziarahi murid yang sakit di rumah dan hospital. Perkara ini akan menyebabkan secara tidak langsung memperkenalkan guru-guru dengan ibu bapa pelajar untuk berinteraksi mengenai anak-anak mereka sama ada di dalam atau di luar sekolah (Mohd Sahandri Gani *etal*, 2010].

Keperibadian guru terhadap murid juga dapat ditunjukkan dengan tidak memalukan murid-muridnya sama ada secara bersemuka atau di hadapan kelas. Tindakan ini bermaksud para guru melayan pelajar-pelajarnya dengan penghormatan yang tinggi. Pendidik juga perlu bersifat pemaaf, positif, menaruh harapan tinggi, menanamkan rasa dipunyai, belas kasihan, mengaku kesalahan sendiri, penyayang, bertanggungjawab, meletakkan kepercayaan terhadap pelajar, jenaka, sabar, adil dan saksama, serta ikhlas (Mohd Sahandri Gani *et al*, 2010]. Maka semua ini akan memberikan satu motivasi kepada pelajar untuk lebih berusaha kerana mempunyai hubungan yang erat dengan guru mereka.

## PERSPEKTIF TEORITIKAL

Menurut Wentzel, K. R. (2009), kajian-kajian sebelum ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara:

- (1) Interaksi positif dengan hubungan guru dengan pelajar.
- (2) Hubungan interaksi positif dengan hubungan guru dengan pelajar dengan hasil sosial dan akademik di sekolah.
- (3) Hubungan guru dengan pelajar dengan motivasi.



Rajah 1 Interaksi Positif dan Hubungannya dengan Guru dengan Pelajar dan Motivasi

Persoalannya di sini, bagaimana hubungan guru dengan pelajar dapat mempengaruhi pencapaian hasil sosial dan akademik di sekolah?. Soalan ini dijawab berpandukan kepada tiga model teoritikal yang berikut:

- (1) Teori hubungan kualiti afektif (*Attachment Theory*).
- (2) Model sokongan sosial (*Social Support Perspectives*).
- (3) Teori determinasi sendiri (*Self-Determination Theory*).

### Teori Hubungan Kualiti Afektif

Teori ini menjelaskan tentang hubungan di antara anak-anak dan penjaga terutamanya ibu. Anak-anak akan mengalami perkembangan positif dalam pembentukan emosi dan memenuhi keperluan asas sekiranya dalam pendidikan dan penjagaan yang sempurna dan selamat bersama ibu mereka. Bagi Rogers *et al.* (2009), tekanan seorang bapa ke atas pencapaian akademik anak, adalah punca kepada pencapaian yang rendah. Walaubagaimanapun galakan dan sokongan daripada ibu, memberi motivasi kepada anak untuk mencapai gred yang lebih tinggi. Hal ini disokong oleh Vermeer *et al.* (2011), keluarga merupakan entiti pertama dalam perkembangan tumbesaran anak-anak. Terdapat dua bentuk hubungan yang memberikan kesan kepada anak:

- (i) Hubungan yang terjamin dan selamat: Dalam hubungan ini, terkandung sikap ibu bapa dalam membina sikap ingin tahu dan meneroka persekitaran anak-anak. Selain itu, kemahiran dalam menyesuaikan diri secara positif perlu dilakukan oleh ibu bapa supaya anak dapat merasakan diri disayangi dan dipercayai oleh orang sekeliling.
- (ii) Hubungan yang tidak terjamin dan tidak selamat: Dalam hubungan ini, perlu dielakkan apabila mempunyai sikap yang berisiko, tidak dapat dijangka dan tidak dapat dijelaskan. Selain itu, kesukaran mengawal tekanan (stress) dalam situasi baru dan konsep sendiri yang negatif.

Selain itu, pengaruh agen-agen sosial termasuk juga ibu bapa berada dalam pelaksanaan agama seseorang (Ahmad Firdaus Mohd Noor, 2010). Menurut Cornwall (1988) terdapat tiga agen sosial keagamaan, iaitu ibu bapa, rakan-rakan sebaya dan gereja. Berlainan pula bagi Walter (2009) yang menyatakan terdapat tiga agen sosial yang utama, iaitu ibu bapa, rakan-rakan sebaya dan sekolah. Menurut Mohd. Salleh Lebar (1998), agen sosial yang terpenting ialah keluarga, termasuk ibu bapa dan saudara yang terdekat. Tambah beliau lagi, mereka ini memainkan peranan yang terpenting dalam pembentukan tingkah laku, sikap, kepercayaan, personaliti dan kemahiran-kemahiran tertentu.

Dalam konteks pendidikan keagamaan, keluarga dan rakan-rakan adalah unit yang mempengaruhi individu-individu secara terus contohnya pengajaran hal-hal keagamaan dan bentuk-bentuk pengamalan keagamaan dalam setiap keluarga (Ralph *et al*, 2009). Pernyataan ini berbeza daripada Ahmad Firdaus Mohd Noor dan Khairunnisa A Shukor (2011) yang menerangkan faktor ibu bapa dan pensyarah adalah unit yang paling banyak mempengaruhi pelajar. Jonathan & Nan Dirk De Graaf (1997) yang menyatakan dalam negara yang agak sekular, keagamaan bagi sesuatu keluarga dapat membentuk kepercayaan agama anak-anak dengan lebih kuat berbanding pengaruh daripada negara tersebut.

Di negara barat, anak-anak yang disosialisasikan oleh ibu bapa dengan aspek keagamaan ialah mereka yang mempunyai pegangan yang kuat dalam aspek agama. Kebanyakan ibu bapa yang kuat beragama, mereka memuliakan peranan keibu bapaan itu, iaitu mereka melihat bahawa keibu bapaan itu sebagai tugas yang mulia, dengan pegangan agama dan kepercayaan yang kuat, yang pentingnya perlu dipindahkan kepada anak-anak (Mahoney *et al*, 2003). Malah, menurut Hadaway & Marler (1993), anak-anak berpotensi untuk mengembangkan kepercayaan agama yang sama seperti ibu bapa mereka; mengubah kepada kepercayaan agama selain daripada agama di mana anda dibesarkan adalah jarang berlaku.

Potvin & Sloan (1985) pula menyatakan bahawa pada usia awal, kawalan keluarga dan pengalaman personal dalam bidang agama adalah selari dan ini menghasilkan pengamalan aktiviti-aktiviti keagamaan yang tinggi, tetapi, apabila usia meningkat, ia tidak lagi selari dan hanya berlaku apabila kawalan keluarga semakin rendah. Ini berkemungkinan terdapat agen sosialisasi yang lain yang dapat mempengaruhi orientasi pelaksanaan aktiviti keagamaan, contohnya rakan-rakan sebaya. Kebanyakan anak-anak mula melarikan diri daripada kepercayaan ibu bapa terutamanya di antara 10 hingga 30 tahun apabila anak-anak mula membuat hubungan dengan dunia yang lebih luas, dengan guru-guru dan rakan-rakan sebaya, apabila mereka mula matang dan mencari kerja, memiliki rakan baru, malah berkahwin (Jonathan & Nan Dirk De Graaf, 1997).

Apabila mereka diasuh dari kecil dan mempunyai hubungan yang erat dengan ahli keluarga yang lain, maka mereka dapat menerima ajaran agama dengan mudah. Menurut Wilson & Sherkat (1994) dalam kajian mereka menunjukkan anak-anak yang mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa kurang memberontak dalam urusan pembelajaran agama. Keluarga bukan sahaja mempengaruhi anak-anak, malah mereka juga mempengaruhi agen-agen sosialisasi lain yang dapat mempengaruhi anak-anak mereka (Ralph *et al*, 2009), contohnya peranan PIBG di sekolah.

Oleh itu, kanak-kanak mengharapkan hubungan baru yang dibina adalah sama seperti hubungan *primary* (di awal kehidupan), sama ada perasaan positif dan percaya,

atau konflik dan penolakan, atau keresahan, kebergantungan atau hubungan guru dengan pelajar (terutamanya semasa di tadika atau sekolah rendah). Hal ini kerana jenis perhubungan guru dengan pelajar akan meramalkan tindakan pelajar di sekolah. Perkara ini membawa maksud hubungan yang selamat meningkatkan motivasi dalam penglihatan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sekolah. Hal ini diakui oleh Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff *et al.* (2008), elemen motivasi bukan sahaja mempengaruhi hasil pembelajaran, bahkan apa yang dilakukan dan dipelajari juga mempengaruhi motivasi yang selanjutnya.

### MODEL-MODEL SOKONGAN SOSIAL

Berdasarkan model ini, dihuraikan bahawa guru yang menyokong secara emosional akan memberi impak yang positif ke atas penyesuaian murid kepada sekolah. Hal ini bermakna model ini berbeza dengan teori hubungan kualiti afektif. Perbezaan tersebut dapat dilihat pada jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0 Perbezaan Teori Hubungan Kualiti Afektif dan Model Sokongan Sosial

Teori Hubungan Kualiti Afektif	vs	Model Sokongan Sosial
Menekankan hubungan guru-pelajar sebagai hubungan berdasarkan sejarah interaksi yang stabil (Pengalaman sebelumnya dari segi hubungan yang pertama).		Hubungan guru-murid adalah bersifat personal yang bersifat sama ada:  Stabil (Contohnya, guru yang mempunyai hubungan satu tahun dengan murid).  Jangka pendek (Contohnya, guru kauselor sekolah yang hanya berjumpa satu kali dalam setahun).

#### Teori Determinasi Kendiri

Teori ini menerangkan penglihatan guru yang merujuk kepada guru yang menunjukkan minat dalam perkembangan sikap pelajar dan sokongan dari segi emosi. Kajian-kajian yang telah dijalankan di Malaysia membuktikan bahawa faktor guru adalah signifikan dalam mempengaruhi prestasi akademik dan pembentukan peribadi pelajar (Rohani Arbaa *et al.*, 2010). Kajian ini diteguhkan lagi dengan pernyataan yang menjelaskan selain daripada mengajar subjek yang diarahkan, para guru juga hendaklah menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam diri para pelajar agar pelajar dapat melihat, mendengar, berfikir, dan menghayati sepenuhnya ilmu yang diajar (Suhaili Md. Shamsudin & Siti Syuhada Abd Rahman, 2011).

Perkara ini akan berlaku dengan cara guru mengambil berat perkembangan akademik setiap pelajar dengan cara berbincang dengan setiap pelajar bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka (Rohani Arbaa *et al.*, 2010). Hal ini akan memberikan hasil perasaan emosi yang selamat ketika menjalinkan hubungan sosial dengan orang lain (Wentzel, K. R., 2009). Teori ini membantu pelajar dalam menyesuaikan diri ke dalam masyarakat secara positif. Manakala peranan guru akan menyokong dari segi emosi dan perasaan. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga model dan teori ini menjelaskan tahap keintiman emosi dan rasa selamat dikaitkan dengan hasil yang positif dari segi sosial dan emosi.

## HUBUNGAN GURU-PELAJAR SEBAGAI KONTEKS SOSIOLISASI

Wentzel, K. R. (2009), menjelaskan model sosiolisasi mencadangkan beberapa mekanisme di mana interaksi sosial pelajar dengan guru dapat mempengaruhi motivasi dan sikap mengejar matlamat. Berdasarkan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff *et al.* (2008), interaksi yang membina boleh diumpamakan sebagai satu motivasi. Motivasi adalah sesuatu yang penting kerana dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dengan mempengaruhi apa, mana, dan bagaimana pelajar belajar (Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff *et al.*, 2008). Hal ini demikian kerana, interaksi sosial yang berterusan mengajar pelajar bahawa mereka perlu diterima dan menjadi kompeten dalam masyarakat, di mana kualiti interaksi sosial memberi gambaran terhadap penilaian dan penerimaan terhadap mereka. Sebagai contohnya, guru-guru mampu mewujudkan ruang di mana pelajar-pelajar dapat merasakan sokongan emosi dan berasa selamat. Selain itu, guru-guru dapat mewujudkan konteks interpersonal yang unik berdasarkan keperluan individu setiap pelajar.

Apabila berada di dalam kelas, guru akan memberitahu peraturan-peraturan dan harapan guru dalam pencapaian serta sikap dengan memberi bantuan instrumental. Model ini menggambarkan signifikan motivasi guru kepada pelajar sebagai sokongan emosi dan rasa selamat. Hal ini diibaratkan sebagai peranan ibu bapa yang melayan anak-anak berbeza mengikut keperluan individu. Maka seharusnya guru-guru melakukan perkara yang sama. Kompetensi pelajar dalam perkara-perkara berkaitan dengan sekolah adalah hasil hubungan guru dan murid, di mana murid-murid belajar untuk memenuhi ekspektasi dan harapan guru, guru pula memberi sokongan dalam membantu pelajar mencapai kejayaan. Justeru itu, setiap guru sewajarnya perlu memberikan maklum balas yang berkualiti tinggi terhadap apa sahaja tugas yang dilakukan oleh pelajar (Regmi, K., 2012). Manakala motivasi perlu diberikan kepada pelajar secara berterusan sekurang-kurangnya satu ayat dan yang paling penting perkataan tersebut meresap ke dalam hati para pelajar (Khuzaimah Sulaiman, 2013).

## KOMUNIKASI DAN EKSPEKTASI GURU

Tahap pelajar mencapai matlamat yang ditetapkan oleh guru bergantung kepada samada guru menyatakan matlamat tersebut dengan jelas dan konsisten atau tidak (Wentzel, K. R., 2009). Menurut Wentzel, K. R. (2009), jelas dan konsisten dapat dilakukan dengan membina hubungan interpersonal berdasarkan kepercayaan dan keadilan (sama rata). Kemahiran interpersonal boleh difahami sebagai kebolehan memahami perasaan, motivasi, tabiat serta hasrat orang lain. Hal ini bermakna, kemahiran interpersonal akan bertindak secara berkesan terhadap orang lain secara praktikal seperti menggalakkan murid menyertai suatu projek (Salhah Abdullah, 2009) dan akan membuatkan pelajar bersedia untuk mendengar dan mengambil serius matlamat dan nilai-nilai yang ditetapkan oleh guru (Wentzel, K. R., 2009). Menurut Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013), kemahiran interpersonal adalah elemen bagi menjadi guru yang profesional.

Menurut Wentzel, K. R. (2009) lagi, guru-guru perlu menjelaskan matlamat dan nilai-nilai yang diharapkan secara individual kerana ia cenderung kepada kemampuan dan pencapaian pelajar tersebut. Manakala dalam hubungan interpersonal pula, ini akan dapat mempengaruhi kepercayaan pelajar terhadap kemampuan dan pencapaiannya sendiri. Tindakan ini dijelaskan oleh Esah Sulaiman (2012) bahawa tingkah laku yang

baik oleh guru menjadi satu pengajaran melalui teladan yang boleh diikuti oleh pelajar. Ekspektasi guru yang negatif menggambarkan bahawa guru tersebut memandang rendah pada kemampuan pelajar (Wentzel, K. R., 2009). Berlainan pula bagi guru yang menerangkan ekspektasinya yang tinggi kepada pelajar, akan memberi perubahan yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar (Wentzel, K. R., 2009). Perkara ini pernah dijelaskan oleh Siti Roskina Mas (2008), tugas guru bukan sekadar sebagai pengajar dan penyampai ilmu pengetahuan, bahkan sebagai pendorong kepada keyakinan diri pelajar dalam menerapkan serta mengamalkan ilmu pengetahuan dalam kehidupan sehari-hari.

### **SIKAP TERBUKA UNTUK MEMBANTU, MEMBERI NASIHAT DAN PENGAJARAN KEPADA PELAJAR**

Guru memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan pengetahuan dan melatih pelajar-pelajar dalam bidang akademik (Wentzel, K. R., 2009). Keilmuan dan pengetahuan yang dimiliki oleh setiap guru membolehkan mereka memberikan penjelasan dengan lebih baik di samping lebih bersedia menjawab persoalan daripada pelajar (Abdull Sukor Shaari, 2010). Menurut Wentzel, K. R. (2009), guru adalah sumber yang sentiasa meningkatkan perkembangan kompetensi sosial dan akademik. Peningkatan kompetensi sosial dan akademik pelajar dapat dilakukan dalam bentuk informasi dan nasihat (Wentzel, K. R., 2009). Contohnya, sikap atau pengalaman khusus yang membantu pembelajaran. Kepelbagaian dalam melaksanakan pelbagai kaedah ini, akan memberikan satu pengalaman pembelajaran, motivasi yang tinggi bagi pelajar (Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, 2011) serta mampu menarik pelajar agar dapat benar-benar menghayati dan mampu menguasai ilmu yang diajar (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008) dan membolehkan interaksi dan penyertaan daripada pelajar yang menggalakkan (Regmi, K., 2012).

Dalam kajian-kajian lepas, guru-guru menyatakan kesediaan untuk lebih membantu pelajar yang memberi kerjasama, bersungguh-sungguh dan kepada pelajar yang mencari bantuan mereka. Kelebihan memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, bahkan kreatif dan inovatif akan menjadikan sistem PdP seorang guru itu menjadi lebih menarik, efektif, dan menyeronokkan (Rafiza Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin, 2013). Perkara ini telah dijelaskan Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian (2012), gabungan ilmu dan pengalaman mengajar menjadikan guru seorang pendidik yang berpandangan progresif. Berdasarkan Mohd Aderi Che Noh (2010), kesepaduan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan mengangkat lagi kualiti proses pengajaran. Amalan pengajaran yang efektif juga dikaitkan dengan sikap kreatif yang meliputi aspek kreativiti semasa proses pengajaran (Mohd Aderi Che Noh, 2010; Rohani Arbaa *etal*, 2010; Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian, 2012).

### **SOKONGAN EMOSI DAN RASA SELAMAT**

Sokongan emosi dan rasa selamat merupakan satu daripada kriteria yang menjadi motivasi kepada pelajar. Wentzel, K. R. (2009) menyatakan, guru-guru lebih cenderung menjaga keselamatan fizikal pelajar, terutamanya dalam hubungan rakan sebaya. Guru-guru membantu perkembangan motivasi dalam hubungan sosial dan pencapaian akademik. Hal ini merujuk kepada guru yang prihatin dan membantu pelajar. Perkara ini dijelaskan Esah Sulaiman (2012) bahawa guru juga sebagai pembimbing yang akan



mendengar masalah pelajar dan memberi nasihat yang berguna untuk disampaikan kepada pelajar. Pelajar-pelajar yang mempunyai kebolehan yang tinggi menghargai guru-guru yang mencahar mereka, menggalakkan penyertaan dalam kelas dan mempunyai matlamat yang sama dengan pelajar. Bantuan yang ditawarkan oleh guru-guru kepada murid-murid dalam dua bentuk, iaitu:

- (1) Sokongan emosi. Contohnya, sensitiviti guru.
- (2) Bantuan instrumental. Contohnya, bantuan, maklum balas positif.

Oleh itu, Khadijah Alavi *et al.* (2012) menghuraikan kepentingan pendidik khususnya dalam bidang Pendidikan Islam dan pendidikan secara umumnya, perlu memiliki kemahiran kecerdasan emosi dan sosial. Hal ini memastikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan lebih berkesan, lancar dan berupaya menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapatan menunjukkan implikasi kajian ini memperlihatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar dapat ditingkatkan (Khadijah Alavi *et al.*, 2012). Malah, kajian yang lebih awal daripada Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010), menyatakan sebagai seorang pendidik yang menjalankan pelbagai tugas dalam penyampaian ilmu dan perkembangan kemahiran dan akhlak memerlukan seseorang itu memiliki kecerdasan yang tinggi. Justeru kemahiran ini sewajarnya ada pada setiap guru.

## KESIMPULAN

Terdapat hubungan yang positif di antara hubungan guru dengan pelajar dengan motivasi sosial dan akademik pelajar dan pencapaian akademik. Walaubagaimanapun, terdapat persoalan adakah hubungan guru dengan murid ini penting?. Berdasarkan kajian-kajian lepas, hubungan guru dengan murid adalah penting kepada pelajar, tanpa mengira umur, tetapi hubungan ini mempersoalkan fungsi sokongan emosi dalam kehidupan pelajar. Hal ini disokong berdasarkan kajian Rohani Arbaa *et al.* (2010) yang menjelaskan hubungan guru-pelajar dilihat melalui ciri kualiti guru yang merupakan faktor terbaik dalam meningkatkan kesungguhan pelajar belajar. Perbandingan guru dengan ibu bapa dan rakan sebaya dengan melihat kualiti interaksi guru dengan murid adalah sama dengan kualiti hubungan di rumah.

Dari segi cabaran teoritikal, motivasi pelajar juga mampu memberi impak pada hubungan guru dengan pelajar dan perlu lebih jelas bagaimana pelajar mampu mentafsir sikap guru, serta bagaimana guru mentafsir pencapaian pelajar. Selain itu, teori-teori perlu mengambil kira latar belakang pelajar samada dari segi bangsa, kaum, jantina dan lain-lain aspek yang difikirkan perlu serta kebanyakannya tertumpu kepada kajian di Eropah, Amerika dan pelajar-pelajar kelas pertengahan. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi guru mengetahui latar belakang pelajar-pelajarnya sebelum melaksanakan PdP (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008; Esah Sulaiman, 2012 ; Regmi, K., 2012). Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai sikap dan cara belajar mereka yang tersendiri bagi mencari maklumat dan meneroka bentuk-bentuk kemahiran baru (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain, 2008). Hal ini berdasarkan, kemampuan daya akal manusia yang berbeza memerlukan sedikit persediaan guru untuk mencorak dan seterusnya mewujudkan PdP berkesan. Mengambil kira aspek siapa, apa

yang diajar, dan konteks pembelajaran dari segi persekitaran, sosial, dan psikologi dalam pendidikan adalah sesuatu yang penting (Regmi, K., 2012].

Oleh itu, guru zaman kini sewajarnya berfungsi sebagai pengembang, pengukuh dan pembina kemahiran. Menyoroti latar belakang pelajar dan personaliti pelajar yang berbeza, guru perlulah memainkan peranan sebagai pembina kemahiran sosial mereka dalam berinteraksi secara sopan, menghormati rakan, dan bertanggungjawab antara satu sama lain (Esah Sulaiman, 2012]. Bukan sekadar pembina kemahiran, guru juga mempunyai tugas yang lebih besar dalam membentuk akhlak pelajar yang mulia (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Esah Sulaiman, 2012].

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010]. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56.
- Abdull Sukor Shaari (2010]. *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdurrahman An Nahlawi (1995]. *Ushulut Tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fll baiti wal madrasati wal mujtama*. (Trj. oleh Shihabuddin dengan tajuk: *Pendidikan Islam Di Rumah Sekolah Dan Masyarakat*). Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor (2010]. *Pengaruh Agen Sosial Terhadap Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Politeknik di Perak* Tesis Sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor & Khairunnisa A Shukor (2011]. *Pengaruh Agen Sosial Terhadap Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Politeknik di Perak*. *Prosiding NSR12011*. 20-21 September 2011. Politeknik Ungku Omar, Politeknik Premier, Ipoh, Perak. 1-14.
- Al-Ghazali, Muhammad (1987]. *Akhlaq seorang muslim*. Terj: Drs. H. Moh. Rifai . Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Arifin Mamat, Muhamad Zahiri Awang Mat, Md. Yusnan Yusof, Nik Ahmad Hisham Ismail, Mohd Noor Hussin & Mujaini Tarimin (2011]. *Tahap Profesionalisme Guru-Guru Agama Sekolah Rendah Agama - Jabatan Agama Islam Selangor: Satu Kajian Tentang Sikap Guru*. *Proceeding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (ICERIALE 2011)*. 26-28 September 2011. Awana Porto Malai, Langkawi, Kedah, 149-164.
- Esah Sulaiman (2012]. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hadaway, C. K., & Marler, P. L. (1993]. *All in the Family: Religious Mobility in America*. *Review of Religious Research*, 35(2), 97-116.
- Hood, Ralph W.; Peter C. Hill & Bernard Spilka (2009]. *The psychology of religion: An empirical approach* (4th ed.). New York: Guilford
- Ismail Abas (2007]. *Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Wawasan 2020*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam, Selangor*, Jilid 10, 2007.
- Jonathan, K. & Nan Dirk De Graaf (1997]. *National Context Parental Socialization and Religious Belief: Result From 15 Nations*. *American Sociological Review*. Vol 62, August 639-659.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010]. *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCP1) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Journal Teknologi*, 56 (Sains Sosial), September 201:179-198.
- Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo & Nor Ellina Abdul Razak (2012). Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* Volume 7, Number 1, 094-104, April Special-2012.
- Khuzaimah Sulaiman (2013). *Serlahkan Aura Guru Super*. Kuala Lumpur: PTS Professional SDN. BHD.
- Mahoney, A., Pargament, K. L., Murray-Swank, A., & Murray-Swank, N. (2003). Religion and Sanctification of Family Relationships. *Review of Religious Research*, 40, 220-236.
- Marie Cornwall (1988). "The Influence of Three Agents of Religious Socialization: Family, Church, and Peers," in *The Religion and Family Connection: Social Science Perspectives*, ed. Darwin L. Thomas (Provo, UT: Religious Studies Center, Brigham Young University, 1988), 207-31.
- Mohd Aderi Che Noh (2010). Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1),57-72.
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri, Shaffe Mohd Daud (2010). *Karakter Guru Ilmu Dianggap Guru Disanjung*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd. Salleh Lebar (1998). *Sosiologi sekolah dan Pendidikan: Pengenalan Ringkas*. Selangor: Thinkers Library Published.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod & Kamarulzaman Ab.Ghani (2008). Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan* 33 (2008)3-18.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, Jil. 60,31- 37,2013.
- Rafizah Abdul Razak & Siti Zarina Syed Nordin (2013). Projek Pembangunan Perisian Multimedia: Strategi Pengajaran Yang Membentuk Keperibadian Guru Pelatih. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik (JUKU)*. Januari 2013, bil 1, Isu 1.
- Raymond H. Potvin & Douglas M. Sloane (1985). Parental Control, Age and Religious Practice. *Review of Religious Research*, Vol 27, No. 1, 3-14.
- Regmi, K. (2012) Understanding Teaching Methods - Lecture and Facilitation in Higher Education: A Summary of the Published Evidence. Paper presented at the Conference on Higher Education Pedagogy, 8-10 February 2012, Centre for Instructional Development and Educational Research (CIDER), Virginia Polytechnic Institute and State University, Virginia (USA).
- Rogers, M. A., Theule, J., Ryan, B. A., Adams, G. R. & Keating, L. (2009). Parental Involvement In Academic Achievement: Evidence for Mediating Process. *Canadian Journal of School Psychology*. 24(1). 34-57.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian.(2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang Di Dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27,51-68,2012.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar 1. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010):61-69.

- Salhah Abdullah (2009). *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Suhaili Md. Shamsudin & Siti Syuhada Abd Rahman (2011). *Pembangunan Modal Insan Cemerlang: Peranan Guru dan Tekanan Kerja. Proceeding 2<sup>nd</sup> International Conference On Islamic Education 2011 (ICIED 2011)*. 19-21 December 2011. Equatorial Hotel, Bangi-Putrajaya, Selangor, Malaysia. 727-744.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain (2008). *Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. Jurnal Usuluddin*, 27 . pp. 141-156. ISSN 1394-3923.
- Sitti Roskina Mas (2008). *Profesionalitas Guru Dalam Peningkatan Kualitas Pembelajaran. /urna/ Inovasi: Beranda >VOL. 5, NO. 2, THN. 2008.*
- Vermeer, P. Janssen, J. & De Hart, J. (2011). *Religious Socialization and Church Attendance in the Netherland from 1983-2007: A Panel Study. Social Compass*. 58(3). 373-392.
- Walter. R. Heinz (2009). *Structure and agency in transition research. Journal of Education and Work*. Volume 22, Issue 5, 391-404.
- Wentzel, K. R. (2009)., *Student's Relationship With Teachers As Motivational Contextin* Wentzel, K. R. & Wigfield, A. *Handbook of Motivation*, (pp. 301-322). New York and London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Wilson, J., & Sherkat, D. E. (1994). *Returning to the Fold. Journal for the Scientific Study of Religion*, 33, 148-161.

#### **KETERANGAN BERKENAAN PENULIS:**

**Ahmad Firdaus Mohd Noor**

Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Ungku Omar  
E-mail: [aqili\\_firni83@yahoo.com.my](mailto:aqili_firni83@yahoo.com.my)

**Kamarul Azmi Jasmi**

Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi  
Malaysia, Skudai E-mail: [qamar@utm.my](mailto:qamar@utm.my)

**Khairunnisa A Shukor**

Jabatan Pengajian Am Politeknik  
Ungku Omar E-mail:  
[nisafirni83@gmail.com](mailto:nisafirni83@gmail.com)